

# Beri tumpuan kepada kepakaran moden

**KUALA LUMPUR, Jumaat** - Sesebuah negara, khususnya negara Islam belum boleh mengangap dirinya kuat dan mampu berperang sehingga ia dapat mencipta dan mengeluarkan senjata sendiri yang sama canggih dengan senjata musuh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jika negara itu terpaksa membeli senjata daripada pihak lain, ia masih lemah dan mudah ditewaskan.

"Oleh kerana tidak ada negara Islam di zaman ini yang mampu mencipta dan mengeluarkan senjata sendiri yang canggih disebabkan tidak memberi tumpuan kepada ilmu dan kepakaran moden, maka umat Islam sekarang terletak di bawah telunjuk orang asing dan dipermainkan," katanya.

Berucap melancarkan Operasi Pungutan Zakat Secara Korporat di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, ada negara Islam yang dilengkapi dengan senjata asing menyangka ia begitu kuat dan boleh menakluki semua negara Arab lain.

"Akibat tindakan yang berasaskan keangkuhan ini, ia dimusnahkan oleh kuasa asing kerana sebenarnya kekuatan negara itu terhad. Dengan kekalahan yang teruk, semua negara Islam terletak di bawah telunjuk kuasa lain," ujarnya.

Dalam Perang Tefuk baru-baru ini, Iraq yang menakluki Kuwait pada Ogos tahun lalu, menerima semua syarat gencatan senjata serta mematuhi ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menamatkan perang itu yang

mengorbankan beribu-ribu nyawa, termasuk orang awam.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masih ada pihak yang mendakwa negara Islam itu menang dan tidak kalah walaupun jelas ia jatuh tersungkur di bawah kaki kuasa asing.

Menurutnya, khayalan seperti itu akan menghalang pemeriksaan diri sendiri untuk memperbetulkan kesilapan yang berlaku dan menyebabkan umat Islam meneruskan kehidupan dengan pendekatan lama.

"Umat Islam akan terus hidup dengan sikap dan cara kolot yang tidak sesuai dengan zaman hasil daripada salah tafsir, salah ajar dan khayalan yang melanda umat Islam di zaman ini," katanya.